



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI
KOD KURSUS : DPI2093
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Graf
 - iii. Kertas Jawapan Objektif
 - iv. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A


Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Ilmu ekonomi merupakan kajian tentang
 - a. sains kekayaan dan kebajikan
 - b. sains sosial dan kemanusiaan
 - c. pertumbuhan dan pembangunan ekonomi
 - d. gelagat manusia yang berkaitan dengan masalah kekurangan

2. Sumber ekonomi yang terhad menyebabkan
 - a. agihan pendapatan menjadi semakin tidak setara
 - b. harga barang semakin meningkat
 - c. tiada barang ekonomi yang boleh di dapati secara percuma
 - d. pengeluaran barang awam bertambah


3. Rajah di bawah menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran AB.



Pernyataan manakah antara yang berikut **BENAR** berkaitan rajah di atas?

- a. Penambahan barang X tidak melibatkan sebarang kos lepas
- b. Penambahan barang X melibatkan kos lepas yang malar
- c. Kos lepas semakin meningkat apabila semakin banyak barang Y di dihasilkan
- d. Kos lepas semakin kecil apabila semakin banyak barang modal dihasilkan

4. Salah satu ciri ekonomi campuran menyelesaikan masalah apa dan berapa hendak dikeluarkan melalui
- mekanisme harga
 - keputusan kerajaan
 - mekanisme harga dan kerajaan
 - sistem catuan
5. Hukum permintaan menyatakan apabila harga turun,
- permintaan akan meningkat
 - kuantiti diminta akan meningkat
 - kuasa beli pengguna akan meningkat
 - pendapatan benar pengguna akan meningkat
6. Rajah di bawah menunjukkan keluk hubungan antara harga barang X dengan kuantiti diminta barang X.



Antara yang berikut, keluk manakah yang menunjukkan keluk anjal sempurna?

- PP
 - QQ
 - RR
 - SS
7. Dua barang yang akan menjadi barang pengganti antara satu sama lain jika
- Keanjalan penawaran bernilai positif
 - Keanjalan permintaan harga bernilai positif
 - Keanjalan permintaan silang bernilai positif
 - Keanjalan permintaan pendapatan bernilai positif


8. Nilai peratusan perubahan harga meningkat sebanyak 20% tetapi peratusan perubahan kuantiti berkurang sebanyak 50%, maka nilai keanjalan tersebut dinamakan sebagai
- Anjal
 - Tidak anjal
 - Anjal 1
 - Anjal sempurna
9. Jadual yang berikut menunjukkan kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
1	60	15
2	50	20
3	40	25
4	30	30
5	20	35
6	10	40

Berapakah nilai keanjalan permintaan harga apabila harga meningkat dari RM2 kepada RM6?

- 0.2
 - 0.4
 - 0.6
 - 0.8
10. Keanjalan permintaan silang mengukur
- peratus perubahan kuantiti diminta suatu barang apabila harga barang lain berubah
 - peratus perubahan harga suatu barang apabila harga barang lain berubah
 - peratus perubahan kuantiti diminta suatu barang apabila harga barang pengganti berubah
 - peratus perubahan harga barang penggenap bagi peratus perubahan kuantiti barang diminta

Soalan 11 hingga soalan 13 berdasarkan gambarajah di bawah.



Gambarajah menunjukkan D_0 dan S_0 masing-masing ialah keluk permintaan dan keluk penawaran. Keluk S_0 beralih ke S_1 apabila kerajaan mengenakan cukai.

11. Berapakah cukai per unit yang diberi oleh kerajaan terhadap barang itu?
- RM 4
 - RM 5
 - RM 6
 - RM 7
12. Berapakah beban yang ditanggung oleh pengguna?
- RM 20
 - RM 30
 - RM 40
 - RM 50
13. Berapakah jumlah hasil yang dipungut oleh kerajaan?
- RM 200
 - RM 400
 - RM 800
 - RM 1000

14. Keluaran Dalam Negara Kasar akan melebihi Keluaran Negara Kasar apabila
- anggaran susut nilai terlalu besar
 - pendapatan faktor bersih dari luar negara adalah negatif
 - perubahan dalam inventori adalah negatif
 - cukai tak langsung melebihi subsidi
15. Guna tenaga penuh bermakna
- untuk memperolehi tenaga buruh yang baru, upah buruh perlu dinaikkan
 - ekonomi menggunakan semua faktor-faktor pengeluaran yang sedia ada
 - semua buruh dalam negara habis digunakan
 - hanya terdapat pengangguran geseran dalam ekonomi, iaitu org menganggur kerana mencari kerja lain yang lebih baik
16. Semua yang berikut dihitung dalam Keluaran Negara Kasar Malaysia **KECUALI**
- Pembayaran gaji kepada guru
 - Pembayaran gaji oleh seorang pengusaha kraftangan kepada pekerjaanya
 - Gaji rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura
 - Kerajaan membeli alat-alat jentera daripada pengeluar tempatan
17. Jadual di bawah menunjukkan data bekalan wang sesebuah ekonomi.

Butir	RM (Juta)
Mata wang	9, 174
Deposit semasa	12, 075
Bekalan wang M_1	21, 249
Separa wang	X
Bekalan wang M_2	Y
Deposit swasta dengan bank saudagar, syarikat kewangan, dan syarikat diskaun	22, 557
Bekalan wang M_3	91, 082

Cari nilai bagi X.

- RM 47, 276 juta
- RM 68, 525 juta
- RM 38, 241.9 juta
- RM 53, 472.8 juta

18. Antara berikut merupakan keuntungan melakukan perdagangan antarabangsa

KECUALI

- a. memperolehi barang-barang yang tidak dapat dikeluarkan dalam negeri
- b. meningkatkan daya pengeluaran buruh kasar dan buruh mahir
- c. memperluaskan lagi pasaran bagi keluaran dalam negeri
- d. membolehkan ekonomi menikmati pelbagai jenis teknologi moden

19. Berikut adalah antara faktor kewujudan perdagangan antarabangsa;

- I. Sumber semulajadi
- II. Iklim yang berbeza
- III. Penduduk
- IV. Budaya masyarakat

Yang mana adalah **BENAR**?

- a. I dan II
- b. II dan III
- c. I, II, dan IV
- d. I, II, III, dan IV

20. Antara contoh penggunaan sistem sukatan dan timbangan untuk perdagangan ialah

- a. Kawalan pertukaran asing
- b. Sistem Embargo
- c. Sistem Imperial
- d. Kawalan kredit terpilih

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Jadual di bawah menunjukkan Kemungkinan Keluaran Pengeluaran Baju dan Jambu bagi sesebuah negara.

Kombinasi	A	B	C	D	E
Baju	0	10	20	30	40
Jambu	100	90	70	40	0

Berdasarkan jadual di atas;

a. Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan Keluk Kemungkinan Pengeluaran Baju dan Jambu.

(3 markah)

b. Hitung;

i. Kos lepas 20 unit baju.

(1 markah)

ii. Kos lepas 100 unit jambu.

(1 markah)

SOALAN 2

a. Berapakah nilai keanjalan harga barang X apabila harga barang X meningkat dari RM 10 kepada RM 20 dan kuantiti barang X berkurang dari 100 unit kepada 80 unit.

(2 markah)

b. Berapakah nilai keanjalan permintaan harga barang X tersebut?

(1 markah)

c. Sekiranya harga barang A meningkat dari RM 2 kepada RM 4, tetapi kuantiti barang M meningkat dari 40 unit kepada 60 unit, berapakah nilai keanjalan silang yang akan diperolehi? Kirakan.

(2 markah)

SOALAN 3

Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan di pasaran.

Harga (RM seunit)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
10	80	35
20	70	40
30	60	45
40	50	50
50	40	55
60	30	60

Berdasarkan gambarajah di atas:

- Berapakah tingkat harga dan kuantiti keseimbangan?
(2 markah)
- Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan dan keluk penawaran.
(3 markah)
- Sekiranya kerajaan menetapkan harga minimum pada RM55 seunit, berapakah lebih permintaan atau lebih penawaran?
(1 markah)
- Sekiranya kerajaan menetapkan harga maksimum pada RM35 seunit, berapakah lebih permintaan atau lebih penawaran?
(1 markah)
- Sekiranya penawaran meningkat sebanyak 5 unit bagi setiap harga, lukiskan keluk penawaran yang baru pada graf di (b). Berapakah tingkat harga dan kuantiti yang baru?
(3 markah)

SOALAN 4

Jadual di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sesebuah negara.

Butiran	RM juta
Pertanian, Perikanan, Ternakan dan Perhutanan	1, 100
Perlombongan dan kuari	600
Perkilangan	700
Pembinaan	500
Kuasa elektrik, air dan gas	70
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	60
Perdagangan, perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	50
Kewangan, insurans dan hartanah	40
Perkhidmatan kerajaan	70
Perkhidmatan lain	50
Import	100
Eksport	80
Insurans	250
Bunga bersih	90
Cukai tak langsung	300
Subsidi	200
Pendapatan faktor bersih dari luar negeri	100
Susut nilai	40
Sewa	500

Berdasarkan jadual di atas, hitungkan;

- Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasar ($KDNK_{hp}$) (4 markah)
- Keluaran Dalam Negara Kasar pada kos faktor ($KDNK_{kf}$) (2markah)
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor (KNK_{kf}) (2 markah)
- Keluaran Negara Bersih (2 markah)

SOALAN 5

Data kewangan Negara FGH adalah diberi seperti berikut (dalam RM juta):

Butiran	RM (Juta)
Wang kertas	30, 166
Simpanan di BIMB	96, 116
Sijil-sijil boleh runding	135, 989
Sijil-sijil Bank Negara Malaysia	71, 253
Deposit tetap dan deposit simpanan di bank komersial	26, 098
Deposit semasa di bank komersial	22, 874
Deposit tetap dan deposit simpanan di lain-lain institusi kewangan	16, 209

a. Jika wang fiat ialah RM 45, 105 berapakah nilai wang syiling?

(2 markah)

b. Kirakan:

i. M1

(2 markah)

ii. M2

(2 markah)

iii. M3

(2 markah)

c. Kirakan “wang hampir” (wang kuasi).

(2 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.
Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan ekonomi?
(2 markah)
- b. Bezakan antara mikroekonomi dan makroekonomi.
(4 markah)
- c. Pada pendapat anda, adakah konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas berkaitan dengan kehidupan seharian kita? Bincangkan.
(8 markah)
- d. Jelaskan tentang ekonomi campuran.
(6 markah)

SOALAN 2

- a. Berpandukan gambarajah, lukiskan keluk permintaan dan penawaran dan nyatakan hukum permintaan dan penawaran.
(4 markah)
- b. Dengan bantuan gambarajah, huraikan bagaimana perubahan berikut mempengaruhi keluk permintaan *Sony*.
(6 markah)
 - i. Kenaikan harga *Sony*.
 - ii. Penurunan harga *I Phone*.
- c. Apakah maksud barang pengganti dan barang penggenap? Berikan contoh.
(4 markah)
- d. Terangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keanjalan permintaan harga?
(6 markah)

SOALAN 3

- a. Berdasarkan gambarajah, apakah kesan terhadap harga dan kuantiti apabila permintaan beralih ke kiri tetapi keluk penawaran adalah tetap?
(3 markah)
- b. Terangkan apakah yang di maksudkan dengan harga pasar, kos faktor dan subsidi.
(6 markah)
- c. Bentukkan formula bagi memperoleh Keluaran Negara Kasar (KNC) di dalam kaedah perbelanjaan.
(3 markah)
- d. Jelaskan tentang dasar harga kawalan minimum atau lebih dikenali sebagai harga lantai.
(8 markah)

SOALAN 4

- a. Berikan **EMPAT (4)** ciri-ciri wang?
(4 markah)
- b. Terangkan tentang bentuk wang yang wujud di dalam sistem kewangan.
(6 markah)
- c. Senaraikan **EMPAT (4)** faktor kewujudan perdagangan antarabangsa?
(4 markah)
- d. Apakah persamaan antara perdagangan antarabangsa dan perniagaan domestik. Bincangkan.
(6 markah)

[40 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**

